

PERKEMBANGAN KURIKULUM PENDIDIKAN PADA ZAMAN KHULAFAH AR-RASYIDIN

1.0 Pengenalan

Pada zaman Jahiliah, kebanyakan penduduk semenanjung Tanah Arab adalah buta huruf. Dikatakan sehingga kedatangan Islam hanya 17 orang Quraisy yang pandai menulis dan membaca (Ahmad Syalaby, 1976). Kedatangan Islam membawa perubahan besar dalam bidang ilmu pengetahuan dan pendidikan terutama mengenai pelajaran menulis dan membaca. Situasi ini adalah inspirasi Al-Quran sebagai wahyu Allah yang pertama diturunkan kepada Rasulullah iaitu Iqra' (اقرأ) yang merupakan perintah membaca. Suruhan Allah itu untuk melepaskan diri manusia daripada kejahilan dan kemunduran. Menerusi pembacaan dan pemilikan ilmu, manusia akan terlibat dengan proses kemajuan dan kematangan (Abdullah Ishak, 1989). Sebagai langkah pertama Rasulullah memperkenalkan pembacaan al-Quran di samping tulis baca dan ilmu-ilmu Islam yang lain sebagai alat untuk mencapai ilmu pengetahuan. Seterusnya selepas kewafatan Rasulullah S.A.W Khulafa' al-Rasyidin meneruskan aktiviti pendidikan terutamanya pendidikan Islam kepada masyarakat Islam yang bertambah ramai berikutan luasnya negara yang ditakluki.

2.0 Definisi Kurikulum

Perbagai definisi yang diberikan oleh sarjana pendidikan Islam dan barat tentang kurikulum. Perkataan *kurikulum* berasal daripada bahasa Latin *Curriculum* yang bermaksud kursus atau bidang pengajian. Menurut Al-Syaibany (1979) kurikulum adalah sejumlah pengalaman pendidikan, kebudayaan, sosial, olahraga dan kesenian yang disediakan oleh sekolah untuk murid bagi menolong mereka mengembang dan mengubah tingkahlaku supaya sesuai dengan matlamat pendidikan. Hassan Langgulung (1987) menyimpulkan takrif kurikulum, sebagai pengetahuan yang dikemukakan oleh guru, sekolah atau pedagogi pelajaran bagi membentuk mata pelajaran tertentu atau membentuk buku teks, sekolah, di mana struktur pembelajarannya mengikut peringkat dan bidang.

Sharifah Alwiyah Alsagof (1986) membahagikan kepada tiga tahap semasa membuat definisi kurikulum, iaitu:

1. Pengalaman-pengalaman yang dirancang dan ditawarkan kepada pelajar di bawah bimbingan sekolah.
2. Isi kandungan untuk dipelajari dan diperluaskan untuk memasuki konsep, kaedah atau metodologi pengajaran.
3. Rancangan-rancangan untuk menyediakan himpunan kesempatan pembelajaran bagi memperolehi matlamat pendidikan. Dan objektif spesifik yang berkaitan dengan penuntut, dan yang ditentukan di bawah bimbingan sesuatu pusat.

Kesimpulannya, kurikulum boleh ditakrifkan sebagai satu bidang ilmu, yang terkandung di dalamnya pengalaman pendidikan, subjek, metodologi pengajaran, sumber rujukan, objektif, falsafah, guru, tempat pembelajaran dan matlamatnya untuk mendidik ummah.

3.0 Definisi Pendidikan

Dalam memberikan pengertian pendidikan, beberapa sarjana Islam telah mengemukakan pandangan masing-masing dengan pengertian yang berbeza. Pendidikan menurut Ibnu Khaldun ialah proses pembekalan pelbagai ilmu dan sesuai dengan taraf kemampuan seseorang di samping proses pembinaan akhlak, pembersihan diri daripada sifat-sifat tercela serta menggantikannya dengan sifat-sifat terpuji untuk mencapai kesempurnaan dari segi jasmani, rohani, dan akal. (Gamal Abdul Nasir Zakaria, 2003).

Menurut al-Jamali, pendidikan sebagai membentuk tabiat dan sikap seseorang manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada jasmani, rohani, akal, akhlak, mahupun sosial supaya dapat mengabdikan diri kepada Allah.

Menurut Hassan Langgulung (1981) pendidikan ialah suatu yang merubah dan memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu melalui proses dan cara melahirkan manusia yang bertanggungjawab dan berbakti kepada Allah.

Kesimpulan, pendidikan yang dimaksudkan pendidikan ialah pendidikan Islam sebagai proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu, al-Quran, sunnah dan ilmuan muktabar untuk melahirkan insan soleh yang mampu memikul tanggungjawab sebagai khalifah bagi mengimarahkan

alam ini bagi mencapai kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat (Abdul Halim El-Muhammady, 1993).

4.0 Pengenalan Pendidikan Pada Zaman Khulafa' al-Rasyidin

Ibnu Khaldun dalam kitabnya, *al-Muqaddimah* menyatakan bahawa tugas khalifah menegakkan agama dan mentadbir dunia dengan hukum syarak. Khalifah bukan sahaja sebagai pemimpin, tetapi ia juga secara tidak langsung mendidik ummah ke arah kebahagiaan di dunia dan akhirat. Para sahabat telah menumpukan perhatian mendidik kaum muslim di samping mentadbir negara. Sistem pendidikan pada zaman khulafa' al-Rasyidin telah berkembang dengan baik. Ia memberi nafas baru bagi meneruskan sistem pendidikan yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W. Tugas pemeliharaan pembinaan dan perluasan wilayah selanjutnya menjadi kewajipan khalifah beserta umat Islam termasuklah dalam urusan pendidikan umat Islam (Ahmad Shalaby, 1970)

Semasa pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin (11-40 H/ 632-661 M) negara ditadbir oleh empat orang sahabat Rasulullah, iaitu Abu Bakar Al-Siddiq, Umar Al-Khattab, Othman B Affan dan Ali B. Abu Talib. Mereka bertindak sebagai *Ulil Amr* yang memelihara kestabilan, keselamatan negara dan memberi penekanan yang begitu intensif terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam (Abdullah Ishak, 1989).

Tahun-tahun pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin dipenuhi dengan pelbagai cabaran seperti masalah riddah, ancaman Quraish Makkah, Rom, Parsi, Yahudi, Nasrani dan ancaman daripada kaum Munafik. Semua masalah ini dapat diatasi berkat pendidikan yang diberikan oleh Rasulullah S.A.W kepada mereka. Jika mereka berhadapan dengan masalah baru yang tidak dijumpai jawapannya dalam al-Quran dan Sunnah, mereka berusaha berijtihad untuk memperolehi jawapan yang paling benar.

5.0 Peringkat pelajaran dan ilmu-ilmu yang diajarkan

Pada zaman khulafa' al-Rasyidin telah ada peringkat pengajian seperti sekarang. Menurut Mahayudin B.Yahya (1998) Terdapat tiga peringkat pengajian kuttab, menengah dan tinggi. Peringkat menengah dan tinggi dijalankan di masjid. Pelajaran yang diajarkan pada peringkat kuttab seperti berikut :

- a. Belajar membaca dan menulis
- b. Membaca al-Quran dan menghafaznya
- c. Belajar asas agama Islam seperti berwuduk, puasa dan sebagainya.

Setelah tamat belajar di kuttab, mereka belajar peringkat menengah di masjid dengan guru manakala peringkat tinggi gurunya ialah ulama' besar. Setelah perkembangan dan pertambahan berlaku dalam isi kandungan pelajaran dan murid, pendidikan lebih sistematik melalui penubuhan *kuttab* untuk kanak-kanak. Kurikulum di *Kuttab* ialah belajar menulis dan membaca. Membaca al-Quran dan menghafaz serta belajar asas-asas Islam seperti belajar cara solat, wuduk dan lain-lain (Ahmad Shalaby, 1970)

Menurut Abdullah B Ishak (1989) Pendidik-pendidik Islam di zaman silam menganggap kepentingan kurikulum Islam dimuatkan dengan ilmu-ilmu praktis di samping teori dan spiritual dengan menekankan teknik, pertukangan, pertanian dan perniagaan. Ilmu-ilmu yang diajarkan pada peringkat menengah dan tinggi terdiri dari ;

1. Al-Quran dan tafsirnya
2. Hadis dan pengumpulannya
3. Fikh (tasyri')

Kesimpulannya, pada zaman ini telah wujud peringkat pengajian yang sistematik dan ilmu yang dipelajari mengenai menulis, membaca, asas-asas Islam, al-Quran dan hadis. Ilmu dunia dan falsafah belum diberi penekanan. Tokoh-tokoh ilmuan yang ada hanya dalam bidang agama. Kebudayaan Yunani dan Romawi tersebar di Mesir, Syam dan Iraq tidak bergerak dan tunduk di bawah kekuatan pergerakan agama Islam (Abdul Raof Dalip, 1990).

6.0 Guru-Guru Termashyur pada Zaman Khulafa'Ar-Rasyidin

Dalam membincangkan kurikulum pendidikan zaman ini, guru memainkan peranan penting kerana mereka merupakan para sahabat nabi dan ulama' hebat dilantik oleh Rasulullah untuk mendidik ummah dan menyebarkan Islam. Berikut disenaraikan sebahagian pendidik zaman Khulafa' ar-Rasyidin;

Menurut Prof. H.Mahmud Junus. Ulama-ulama' Islam yang termasyhur dalam bidang tafsir ialah Ali Bin Abu Talib, Abdullah B. Abbas, dan Ubaiya B. Kaab. Ulama'

Hadis di antaranya ialah Abu Hurairah (5374 hadis) Saidatina Aisyah (2210 hadis), Abdullah B. Umar (2210 hadis) dan Anas B. Malik (2210 hadis). Walaupun hadis belum dibukukan lagi tetapi ia dihafal daripada mulut guru ke mulut murid. Ulama' dalam bidang fikih di antara ulama' termashyur ialah Abu Bakar, Umar Al-Khattab, Usman B. Affan, Ali B. Abu Talib, Saidatina Aisyah, Abdullah B. Abbas, dan Abdullah B. Masud. Mereka adalah ahli ijtihad dan berani mengeluarkan fatwa bila tidak ada nas dari al-Quran dan Sunnah.

7.0 Pusat Pendidikan Di Zaman Khulafa' al-Rasyidin.

Pusat utama aktiviti pendidikan berlangsung di masjid. Awalnya *tidak formal* akhirnya menjadi sekolah *formal* yang tersusun dan sistematik dengan terbinanya *al-Suffah* yang bersambungan dengan masjid. Oleh itu, ia dianggap sekolah atau madrasah. (Al Affendi, 1977). Di sinilah dilangsungkan pengajaran yang melibatkan semua golongan masyarakat (Imaad al-Din Khalil, 1985). Masjid menjalankan dua fungsi tempat ibadah dan pendidikan. Di sinilah tempat pembelajaran pada zaman Abu Bakar .

Zaman Khalifah Umar Al-Khattab beliau telah membina *kuttab* sebagai usaha untuk membina sistem pendidikan yang lebih terancang dalam mengurus dan mentadbir pendidikan untuk kanak-kanak. Abd (Al-Rahman al-Nahlawi, 1979). Di zaman Umar al-Khattab' tidak terdapat sebuah kampung pun di daerah tersebut melainkan dibangunkan masjid sebagai tempat beribadah di samping menjadi pusat pelajaran dan pendidikan Islam'. (Al-Ahwani, 1967) .

Zaman Khalifah Uthman pendidikan dijalankan di masjid, rumah persendirian atau rumah guru. Fokus pendidikan ialah orang dewasa atau orang tua yang baru memeluk Islam, Kanak-kanak, orang dewasa dan orang yang khusus menuntut ilmu.

Zaman Saidina Ali B.Abi Talib beliau meneruskan pusat pembelajaran khalifah-khalifah sebelumnya.

Pada zaman Khulafa' al-Rasyidin negara Islam semakin luas dan bilangan pusat pendidikan bertambah akhirnya terbina *suffah*, *kuttab* dan masjid diperluas untuk menampung bilangan pelajar yang ramai. Pusat pendidikan telah dibina di kota-kota

besar seperti : Kota Makkah dan Madinah (Hijaz), Kota Basrah dan Kufah (Iraq), Kota Damsyik, Palestina (Syam) dan Kota Fostat (Mesir) untuk mendidik masyarakat Islam, *muallaf* dan menyebarkan dakwah Islamiah.

8.0 Sumber Pengajaran Di Zaman Khulafa' Ar-Rasyidin

Sejak daripada zaman Rasulullah bahan pengajaran dan pembelajaran berasaskan al-Quran dan Al-Sunnah (Ghazali Darusalam, 2001) Ia juga menjadi sumber pembelajaran utama pada zaman Khulafa' Ar-Rasyidin *ijtihad* dijadikan sumber iaitu menggunakan sepenuh daya dalam memahami hukum syarak di mana hukum yang baru berlaku tiada hukumnya atau tidak dijelaskan hukum oleh al-Quran dan Al-Sunnah. *Qiyas* dan *uruf* juga turut menjadi bahan pembelajaran di zaman ini.

Pada zaman pemerintahan Khulafa' Ar-Rasyidin fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Saidina Ali dijadikan panduan (bahan rujukan dan pembelajaran) oleh khalifah Abu Bakar, Umar dan Uthman. Ahli majlis *ijtihad* dan fatwa terdiri daripada sahabat-sahabat besar Rasulullah S.A.W dan mereka amat berhati-hati untuk mengeluarkan hukum.

9.0 Latar Belakang Khalifah Dan Suasana Negara Di Zaman Khulafa' al-Rasyidin

Latar belakang seseorang khalifah serta suasana negara semasa pemerintahan mereka memainkan peranan dalam mencorak perkembangan kurikulum pendidikan di zaman ini. Berikut dipaparkan keadaan negara pada setiap khalifah Khulafa' al-Rasyidin :

a) Zaman Saidina Abu Bakar al-Siddiq(11-13H / 632-634 M)

Pendidikan zaman Abu Bakar adalah kesinambungan pendidikan zaman Rasulullah. Abu Bakar terkenal dengan akhlak mulia sebelum Islam lagi. Beliau seorang yang berfikiran luas, benar, sangat berhati-hati dalam urusan pentadbiran bertujuan mulia dan tidak ego. Sentiasa berusaha ke arah kebaikan (Muhammad Redha, 1983). Pendidikan di zaman Abu Bakar bukan sahaja memelihara keutuhan negara dari kehancuran akibat tindakan liar orang Munafik dan musuh Islam, malah beliau memberi penekanan berat terhadap perkembangan ilmu pengetahuan. Beliau bukan sahaja mengajak umat Islam mempelajari

dan menghayati al-Quran dan Sunnah, bahkan beliau menggumpulkan dan menulis al-Quran dalam sebuah *mashaf* (Abdullah B.Ishak.1989).

Sungguhpun perkara ini tidak dilakukan semasa hayat Rasulullah S.A.W tetapi Saidina Abu Bakar memberanikan diri dan berpegang dengan ijmak para sahabat. Tindakan ini dilakukan semata-mata bagi menjamin keselamatan, kesempurnaan Islam, perkembangan ilmu pengetahuan dan pendidikan bersumberkan al-Quran. Gerakan intensif ini diambil kerana ramai penghafal al-Quran gugur *syahid* dalam memerangi gerakan *riddah* di Yamamah pada tahun 12 hijrah. Dalam peperangan ini 73 orang qari (penghafaz al-Quran) daripada para sahabat telah gugur *syahid*. Saidina Umar mengusulkan supaya ayat-ayat al-Quran dikumpulkan supaya terjamin pemeliharaannya akhirnya dipersetujui oleh Abu Bakar. Zaid B. Thabit mengetuai misi mengumpul ayat al-Quran yang ditulis di pelepah-pelepah kurma, batu, kulit dan lain-lain.

b) Zaman Saidina Umar al-Khattab (13-24 H / 634-644 M)

Menurut Ali al-Tantawi (1970) ketinggian ilmu yang dimiliki oleh Saidina Umar sukar ditandingi oleh generasi sebelumnya, terutama ilmu fikh dan sejarah. Ibnu Masud menyatakan tentang keyakinannya bahawa Umar memiliki 9/10 ilmu pengetahuan. Kesan daripada latar belakang kehidupan, agama dan keilmuannya beliau menggalakkan rakyatnya menuntut ilmu pengetahuan.

Saidina Umar telah memberikan sokongan dan semangat yang kuat agar umat Islam menuntut ilmu, kerana kemajuan sesuatu bangsa diperolehi dengan penguasaan ilmu pengetahuan. Umar sentiasa menasihati penuntut ilmu agar mereka menjadi gudang buku, sumber ilmu, belajar dahulu sebelum menjadi pemimpin dan memohon kepada Allah rezeki. Kata Umar:” *Pelajarilah ilmu dan capailah dengan ilmu itu ketenangan dan kesantunan, berendah dirilah terhadap orang yang mengajar kamu dan berendah dirilah kepada murid-muridnya, janganlah kamu menjadi ulama’ yang angkuh, ilmumu tidak akan tegak dengan sikapmu yang tidak baik*”

c) Zaman Khalifah Uthman Bin Affan (23-35H/-644-656 M)

Khalifah Uthman berjasa besar dalam pendidikan umat Islam. Beliau meneruskan pendidikan yang telah sedia ada dengan meriwayatkan hadis-hadis. Hadis yang sempat diriwayatkannya sebanyak 146 buah. Beliau juga menjadi jurutulis sejak zaman Abu Bakar (Setiausaha Negara). Semasa pemerintahan beliau negara sentiasa dilanda masalah yang rumit. Pasukan-pasukan tentera Islam bercanggah dalam bacaan Al-Quran. Ia hampir membawa perpecahan di kalangan sesama tentera dan panglima. Keadaan ini terjadi kerana perbezaan *mashaf* yang mereka miliki. Ia melarat kepada orang Hims, Kufah dan Basrah. Huzaifah Ibnu Yaman segera memberitahu Uthman lalu beliau mengarahkan al-Quran yang ada pada Hafsaah Binti Umar (r.a) disalin semula.

d) Pendidikan Zaman Khalifah Ali Bin Abi Talib (35-40 H/656-661 M)

Ali Bin Abi Talib merupakan khalifah yang keempat yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan bersifat jujur, berpandangan jauh dan pandai berhujah. Beliau terkenal mempunyai pemikiran yang tajam. Beliau pernah dipilih oleh Rasulullah sebagai penulis wahyu dan setiausahanya. Beliau merupakan *fuqaha* Islam yang meletakkan pendidikan Islam yang teratas dan tidak terbatas kepada ibadah dan penerapan hukum sahaja bahkan, mengetahui ke dasarnya untuk menemukan hakikat ilmiah. Walaupun memiliki keilmuan yang tinggi negara berada dalam kekacauan dan berlaku peperang sesama umat Islam di bawah pimpinan sahabat-sahabat nabi.

Tuntasnya, pelbagai cabaran yang dihadapi oleh setiap khalifah Kulafa' ar-Rasyidin semasa memerintah dan mentadbir negara. Permasalahan dan keadaan negara turut mencorak perkembangan kurikulum pendidikan di sesuatu zaman.

10.0 Subjek/ matapelajaran Yang Diajarkan

Matapelajaran yang diajarkan pada zaman Abu Bakar al-Siddiq ialah Al-Quran, asas agama (Aqidah, Syariah dan Akhlak) hadis, khat, sejarah, hal-hal kemasyarakatan dan bahasa. Matapelajaran yang diajarkan tetap sama cuma terdapat sedikit penambahan. Pada zaman Menurut Ahmad Syalaby (1975) kurikulum yang diajar pada Umar al-Khattab ialah mempelajari al-Quran, sunnah, tauhid dan pelajaran yang bersangkutan

dengan agama, kebudayaan, peribahasa-peribahasa Arab, syair, memanah, menunggang kuda dan berenang. Dalam suratnya kepada penduduk Syam berbunyi :” *Ajarlah anak-anak kamu menulis, membaca, berenang, memanah, menunggang kuda, pepatah-pepatah dan syair-syair yang baik*”.

Matapelajaran yang diajarkan Khalifah Uthman Bin Affan ialah Al-Quran, Hadis, Bahasa Arab, Sastra, tafsir, Syair dan lain-lain. Guru-guru pada masa itu ialah para sahabat Rasulullah dan ulama 'Tabi'in. Pada zaman Ali matapelajaran yang diajarkan sebelumnya diteruskan dan ditambah lagi dengan ilmu nahu Arab (tatabahasa).

Keseluruhannya, subjek yang diajar berasaskan al-Quran, hadis, bahas Arab dan pendidikan fizikal yang mampu melahirkan umat Islam yang kuat mental dan fizikalnya. Pendidikan bersepadu telah dilaksanakan di zaman ini. Generasi hebat inilah mampu mengalahkan Rom dan Parsi dan Islam menguasai dunia.

11.0 Aktiviti Pendidikan Pada Zaman Khulafa' Al-Rasyidin

Di zaman awal perkembangan Islam aktiviti pendidikan belum berbentuk *formal* tetapi merangkumi seluruh umat dari generasi muda hingga generasi tua. Menyeluruhnya pendidikan Islam hingga melampaui batas geografi, bangsa dan agama. Berikut disenarikan aktiviti pembelajaran pada zaman ini mengikut setiap khalifah dan zaman ;

a) Zaman Abu Bakar al-Siddiq(11-13H / 632-634 M)

1. Pendidikan pengumpulan al-Quran yang diketuai oleh Zaid bin Thabit berpandukan tulisan yang telah ditulis di zaman Rasulullah dan dari penghafaz-penghafaz al-Quran. Zaid bin Thabit bekerja dengan teliti, walaupun beliau hafaz al-Quran secara menyeluruh tapi masih merasa perlu merujuk kepada penghafaz dan catatan para sahabat dengan disaksikan oleh dua orang saksi (Abd Latif Ahmad Aasyuri, 1991)

2. Pendidikan Al-Quran.

Kurikulum pada zaman ini hampir sama dengan zaman Rasulullah S.A.W iaitu mempelajari al-Quran serta memberi perhatian khusus kepada penghayatan ke dalam jiwa, fikiran dan pancaindera terutama kepada kanak-kanak supaya kehidupan mereka kuat bergantung kepada al-Quran sehingga melaksanakan perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya. (Muhammad B Alawi Al-Maliki, 1980)

3. Penyebaran dan pembelajaran hadis.

Pusat pemerintahan khalifah Abu Bakar ialah di Madinah. Masjid Nabawi telah digunakan untuk mendidik umat Islam dengan ajaran Islam terutama al-Quran dan hadis. Gurunya ialah para sahabat Rasulullah seperti Abu Hurairah (5374 hadis) Saidatina Aisyah (2210 hadis) dan Abdullah B. Umar (2210 hadis), Jabir B. Abdullah (1500 Hadis) Ramai para sahabat datang ke Madinah untuk mempelajari hadis. (Mahyudin Yahya, 2001).

4. Pendidikan sejarah

Pada zaman Nabi Muhammad S.A.W amat menitikberatkan pengajaran sejarah dan mengajarnya kepada sahabat hal ini dilakukan untuk memberi pengajaran dan iktibar kepada para sahabat. Pendidikan sejarah diteruskan pada zaman Abu Bakar.

5. Peranan masjid

Masjid memainkan peranan yang penting dalam penyebaran ilmu pengetahuan zaman Khalifah Abu Bakar pendidikan, pentadbiran dan kegiatan dakwah berpusat di masjid. Abu Bakar selalu membuat lawatan ke masjid untuk menyebarkan ajaran Islam. Selain itu, beliau menghantar guru mahir Zaid B. Thabit dan Abdullah B. Saad untuk mengajar al-Quran dan hadis di sekitar masjid Madinah.

6. Amalan berfikir dengan tenang

Amalan kegiatan berfikir dengan tenang; turut digalakkan oleh Islam kepada golongan terlibat dengan dakwah. Mereka akan menyampaikan ceramah antara maghrib dan isya' di masjid. Kurikulum tentang bagaimana memperdalamkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah dan cerita tentang seksaan api neraka serta orang yang ingkar perintah Allah. Mereka menggunakan teknik bercerita dengan gaya yang menarik hingga menusuk kalbu dan menyentuh hati. Kekuatan di zaman Abu Bakar dan kulafa' Ar-Rasyidin ialah kekuatan amalan berfikir dan mengutamakan kehidupan akhirat. Amalan berfikir (Talib Samat, 1986)

7. Gerakan dakwah Islamiah

Gerakan Dakwah juga dijalankan untuk memantapkan akidah Islam, mendidik masyarakat selepas gerak riddah dan peluasan wilayah. Gerakan dakwah untuk mengembangkan Islam ke luar sempadan semenanjung Tanah Arab juga bertujuan untuk menghadapi Empayar Rom dan Parsi. Sebelum berlaku pertempuran tentera Islam

kemukakan tiga pilihan memeluk Islam, membayar jizyah untuk mendapat perlindungan atau perang. Contohnya utusan dakwah ke Damsyik. Tentera Islam seramai 7500 orang untuk menakluki Damsyik. Ekspedisi dakwah dan pendidikan dijalankan dengan intensif di kawasan pemberontakan yang telah berjaya ditumpaskan dan juga pengikut nabi palsu. Pendekatan-pendekatan yang sesuai dengan ajaran Islam. Mereka murtad dan memberontak atas dasar kejahilan.

8. Pendidikan contoh dan tauladan

Beliau menunjukkan contoh tauladan berdasarkan akhlak mulia yang dimiliki seperti sifat zuhud, lemah lembut, pemurah dalam setiap urusan pemerintahannya dalam bidang politik, pendidikan, ekonomi, pentadbiran dan kemasyarakatan. (Abd. Raof Dalip, 1990).

b) Zaman Saidina Umar al-Khattab (13-24 H/634-644 M)

Saidina Umar meneruskan aktiviti pendidikan yang ada sebelum ini dan beliau juga telah membuat tindakan yang lebih ke hadapan lagi berbanding di zaman Abu Bakar. Berikut adalah usaha yang digembelingkan untuk memartabatkan ilmu dan pendidikan antaranya ialah menjadikan :

- i) Bahasa Arab sebagai bahasa rasmi di sebuah negara Islam.
- ii) Menyusun ilmu Nahu (tata bahasa Arab)
- iii) Mengadakan takwim Hijrah. Saidina Umar Al-khattab orang pertama mengadakan Takwim Hijrah. Ia dibuat bertujuan untuk memudahkan semua urusan pentadbiran, pendidikan dan sebagainya. Beliau mengambil berat terhadap kemajuan dalam bidang pendidikan berasarkan al-Quran dan Hadis. (Mahyudin, 2001).
- iv) Menyuruh rakyatnya menghafal al-Quran dan menuliskannya. Menurut Prof. M. Hasbi Ash-Shiddieqy “ *Ketika Umar Al-Khattab menjadi khalifah, beliau selalu menggumpulkan kabilah-kabilah Arab untuk diperiksa bacaannya. Sesiapa saja yang tidak menghafaz barang sedikit akan diderainya*” (Ahmad Syalaby, 1975).
- v) Usaha beliau dalam pendidikan termasuk mengadakan kelas-kelas bacaan al-Quran di seluruh wilayah Islam. Beliau juga mengiriskan guru-guru berpengalaman dan mempunyai pengetahuan mendalam tentang Islam.

- vi) Pada zaman Umar hari persekolahan dijalankan 6 hari seminggu dan hari jumaat adalah cuti. Pendidikan praktikal diberikan kepada kanak-kanak, pada hari khamis sebagai persediaan untuk melaksanakan solat Jumaat.
- vii) Khalifah Umar menegaskan kepada gabenor–gabenornya supaya anak-anak diajar berenang, menunggang kuda, pepatah dan syair-syair yang baik. Arahan Umar Al-Khattab dilaksanakan oleh guru-guru di tempat yang ada kemudahan. Pendidik–pendidik Islam di zaman silam menganggap kepentingan kurikulum Islam dimuatkan dengan ilmu-ilmu praktis di samping teori dan spiritual dengan menekankan teknik, pertukangan, pertanian dan perniagaan.

c) Pendidikan Zaman Khalifah Uthman Bin Affan (23-35H/-644-656 M)

Saidina Uthman meneruskan aktiviti pendidikan yang ada sebelum ini dan beliau juga telah membuat tindakan drastik menyalin semula al-Quran bagi kemaslahatan ummah. Salinan ini dibuat sebanyak 6 kali. Khalifah Uthman telah melantik satu jawatankuasa yang dianggotai oleh tokoh-tokoh sahabat terdiri daripada Zaid bin Thabit, Abdullah bin Zubayr, Sa'id bin al-Ash dan Abdul Rahman bin Harith. Penyalinan semula al-Quran ini berpandukan hafazan para *hafiz* dan dirujukan pada bacaan Quraisy kerana al-Quran diturunkan mengikut dialek tersebut. Ia dibukukan dan dipanggil *mashaf* serta dikenali sebagai *mashaf uthmani* yang dipakai sehingga ke hari ini.

d) Pendidikan Zaman Khalifah Ali Bin Abi Talib (r.a) (35-40 H/656-661 M)

Saidina Uthman meneruskan aktiviti atau subjek pendidikan yang ada sebelum ini dan beliau juga telah membuat tindakan untuk memajukan pendidikan beliau menyuruh tata bahasa Arab dibukukan. Beliau dianggap sebagai pengasas ilmu nahu.

Terdapat juga golongan yang menjadikan beliau sebagai persoalan dan pokok perbahasan seperti golongan Khawarij, Rawafidh, Syiah, Nasihbin dan Ahli al-Sunah. Beliau dianggap sebagai pengasas ilmu nahu. Dorongan utamanya menyebabkan ada usaha membukukan ilmu tatabahasa Arab bertujuan untuk mempertahankan dan memelihara bahasa Arab. Ia dibukukan untuk menolong orang bukan Arab yang telah memeluk Islam mempelajarinya. Dasar-dasar pendidikan Ali iaitu ;

1. Melantik pemimpin adalah melalui baiah yang diberikan oleh orang ramai.
2. Kita boleh menolak pelantikan sebelum sesuatu pemilihan itu diputuskan, tetapi jika telah diputuskan kita mesti menerima.
3. Pemimpin hendaklah bersifat tegas dan adil
4. Rakyat hendaklah menurut perintah pemimpin.
5. Pelantikan meyoriti adalah diakui dan sesiapa yang tidak bersetuju atau engkar ia dianggap tidak mengikut hukum Islam.

Pendidikan *Informal*.

Pendidikan tauladan dalam pendidikan *informal* dapat dilihat dalam pesanannya kepada anaknya Hassan dan Hussin seperti berikut : Hai ! anakku keduanya, ajalku hampir sampai dan aku berwasiat kepadamu berdua:

1. Hendaklah kamu bertakwa kepada Allah, janganlah kamu mementingkan dunia dan janganlah menangisi sesuatu yang hilang daripada dunia ini.
2. Kasihanilah dan bantulah anak yatim serta orang-orang yang terainaya.
3. Berkatalah yang hak, meskipun mendapat celaan dan lain-lain pesanan beliau tentang ibadah dan akhlak *mahmudah* yang perlu diamalkan. Pendidikan pada zaman Saidina Ali agak kurang mantap kerana berlaku perselisihan politik dan kekacuan dalam negara namun, aktiviti pendidikan tetap berjalan.

Kesimpulannya, aktiviti pendidikan yang dijalankan oleh Kulafah' ar-Rasyidin melibatkan pelbagai bidang tetapi tiada ilmu keduniaan atau kemahiran dipelajari secara formal dan tidak formal. Semua peringkat umur iaitu kanak-kanak, remaja dan dewasa. Zaman ini pendidikan hanya ditekankan kepada golongan remaja dan kanak sahaja sementara orang dewasa kebanyakannya telah berhenti daripada menuntut ilmu. Bagaimana harus mereka memimpin keluarga dan masyarakat kerana tiada penambahan ilmu.

12.0 Kaedah atau Metodologi Pendidikan zaman Kulafah Ar-Rasyidin

Kaedah pembelajaran zaman Rasulullah seperti kaedah kuliah, soal jawab, hafalan, perdebatan, halaqah dan perbincangan diteruskan oleh Abu Bakar al-Siddiq bagi

mendidik masyarakat di samping pengubahsuaian mengikut kumpulan yang berbeza-beza, antara kelompok itu ada golongan intelek, masyarakat awam dan degil.

Saidina Umar al-Khattab meneruskan kaedah pembelajaran sebelum ini di samping memantapkan lagi pendidikan agama dengan memperbaharui metodologi pendidikan :

- Menyusun metodologi pengajaran agama yang sesuai dengan orang yang baru memeluk Islam.
- Menggalakkan dan mengambil berat tentang metodologi pendidikan bertujuan untuk mengelakkan daripada salah faham mengenai keimanan dan soal-soal ibadah serta melantik guru-guru mengajar al-Quran dan akidah.
- Pembesar-pembesar mestilah rakyat melakukan solat jumaat dan puasa Ramadhan. Dan beliau mementingkan bidang pendidikan agama.
- Di Kufah ramai cerdik pandai yang bertugas sebagai pendidik

Metode pendidikan yang digunakan semasa Khalifah Uthman B. Affan ialah hafalan dan latihan beserta contoh, hafalan dan latihan, ceramah, diskusi, soal jawab dan hafalan. soal jawab dan hafalan yang lebih mendalam di samping kaedah yang ada sebelum ini.

Saidina Ali bin Abu Talib meneruskan metodologi pembelajaran khalifah-khalifah sebelumnya tetapi usaha penyusunan kaedah baru tidak dinyatakan kerana zaman ini merupakan zaman kekacauan, fitnah dan peperangan sesama Islam. Walau bagaimanapun aktiviti pendidikan tetap diteruskan demi menyatupadukan umat Islam. Antara metodologi yang menyerlah kaedah contoh dan tauladan contohnya melalui wasiatnya kepada puteranya Hassan dan Hussin.(Abd. Raof Dalip, 1990).

Kesimpulannya, kehebatan kaedah atau metodologi yang dijalankan seperti yang disarankan oleh al-Quran menjadi kaedah pendidikan yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah dan Khulafa' ar-Rasyidin mampu melahirkan tokoh-tokoh ilmu hebat dan mereka yang memiliki keteguhan iman seterusnya memberikan sumbangan besar kepada Islam.

13.0 PENUTUP

Perkembangan kurikulum pendidikan pada zaman khulafa' al-Rasyidin adalah lanjutan daripada zaman Rasulullah S.A.W. Pada zaman ini berlaku pelbagai perkembangan kurikulum berikutan wujud pelbagai masalah yang berlaku dan pertambahan negara yang ditakluki oleh umat Islam. Keadaan ini, menyumbang kepada lahirnya pelbagai ilmu, pemeliharaan ilmu (al-Quran dan sunnah), sumber pembelajaran (ijtihad), penemuan metodologi baru, bertambahnya pusat pembelajaran dan penyebaran ilmu .

Sumber pendidikan utama tetap berdasarkan al-Quran dan hadis. Kehebatan Metodologi pengajaran dan pembelajaran seperti yang sarankan oleh al-Quran dan diamalkan oleh Rasulullah masih digunakan hingga hari ini. Ilmu yang dipelajari pada zaman ini hanya mengenai dasar-dasar agama Islam. Ilmu dunia dan falsafah belum diberi penekanan. Zaman ini juga kekurangan peralatan menulis, kertas dan sebagainya namun, setiap khalifah tetap mendidik masyarakat, menyebarkan ilmu-ilmu Islam dan melahirkan ramai tokoh-tokoh ilmuan dan ulama' terbilang. Karya-karya mereka menjadi rujukan sepanjang zaman.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

Abdullah Ishak, 1989. *Sejarah Perkembangan Pelajaran Dan Pendidikan Islam*.
Selangor : Al-Rahmaniah

Abdul Latif Ahmad Aasyuri. 1991, *10 Orang Dijamin Masuk Syurga*. Terj.A. Aziz Salim
Basyarahil. Jakarta : Penerbitan buka Andalan.

Abdul Raof Dalip.1990. *Dasar-Dasar Pendidikan Islam Zaman Khulafa' al-
Rasyidin*. Petaling Jaya : Pustaka Jaya.

Abd. Al-Rahman al-Nahlawi, 1979. *Usul Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah*. Cet.1. Damshiq:
Dar Al-Fikr.

Abdul Rahman an-Nahlawi.1992. *Prinsip-prinsip dan Metoda Pendidikan Islam*.ter.Drs.
Herry Noer Ali . Bandung : CV Diponegoro

Ahmad Kilani Mohamed. 2003. *Pengurusan Pendidikan Sekolah Huraian menurut
perspektif Islam Skudai* : Universiti Teknologi Malaysia.

Ahmad Shalaby. 1976. *Sejarah Pendidikan Islam*. Terj. H Muchtar Jahja & M Sanusi
Latief Singapura: Pustaka Nasional

Al-Abrashi Mohd Atiyiyah. 1970. *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*. terj. H.Bustani
A.Gani Jarkata : Bulan Bintang

Al Affendi, Muhammad Hamid. 1977. *Nahw Manahij Islamiah, Majallah Kuliah
Tarbiah*. Jamiah Al-Riyad.

Al-Ahwani, Ahmad Fuad. 1967. *Al-Tarbiah Fi Al-Islamiah*. Mesir : Dar Al-Ma'arif

Al-Nu'umy, Abdullah Amin. 1973. *Al-Manahij Wa Al-Tutuq Al-Ta'lim'Ind Al-Qabisi
Wa Ibnu Khaldun*. Libya

Al-Syaibany, Mohammad Omar Al-Toumy .1975. *Falsafah al-tarbiah al-Islamiah*,
Troipoly

Al-Syaibany, Mohammad Omar Al-Toumy .1979. *Falsafah Pendidikan Islam*. terj. Dr.
Hassan Langgulung, Shah Alam : Hizbi

Ali Al-Tantawi 1970. *Akhbar Umar Wa Akhbar Abd Allah bin Umar*. Beirut : Dar al-
Fikr.

Dasuki Haji Ahmad. 1983. *Ikhtisar perkembangan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa

dan Pustaka.

Hasan Langgulong. 1991. *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kualan Lumpur : Dewan Bahasan dan Pustaka.

Hasan Langgulong. 1991. *Manusia dan Pendidikan*. Jakarta : Pustaka al-Husna.

H. Mahmud Junus. 1976. *Sejarah Pendidikan Islam*. Jakarta : Mutiara.

Imaad al-Din Khalil, 1985. *Tahafut Al-Ilmaniyyah*. Cet.9. Beirut: Mu'assasah Al-Risalah.

Ismail Bakar. 1999. *Sejarah Tamadun Islam*. Pusat Teknologi Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

Mahayudin Yahya. 2005 . *Tamadun Islam*. Cetak ulang Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn.Bhd

Muhammad Salih Samak.1980. *Ilmu Pendidikan Islam*. terj.Wan Amnah Yaacob et.el Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mustafa Daud. 1991.*Tamadun Islam*. Kuala Lumpur :Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd

Muhammad B. Alawi Al Maliki Al Husaini, 1400 Hijrah. *Al Insanul Kamil*, Jeddah : Matabi Sahar.

Sharifah Alwiah Alsagoff .1984. *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann.

Sheikh Marhaban. 1977. *Tokoh-tokoh Islam di Zaman Nabi*. Singapura : Pustaka National.